



Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**

Tak putus harap rungkai misteri MH370

Sudah tiga bulan berlalu, namun misteri kehilangan pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH370 dari Kuala Lumpur ke Beijing yang membawa 239 penumpang dan 12 anak kapal masih belum terungkai mahupun terjawab.

Nasib penumpang dan pesawat terbabit masih belum diketahui, malah setiap objek yang ditemui selama ini juga disahkan bukan daripada pesawat terbabit. Ini menyebabkan kaum keluarga penumpang terus diselubungi kesedihan dan pelbagai tanda tanya yang misteri. Sepanjang tiga bulan lalu rata-rata semua pihak terdiri golongan pakar hingga ke rakyat biasa semuanya tampil dengan pelbagai teori, andaian dan spekulasi yang menjurus ke arah merungkai misteri kehilangan pesawat malang ini. Namun, sehingga kini misteri kehilangannya terus kekal misteri.

Walaupun sudah tiga bulan, pihak kerajaan ternyata tidak putus asa mahupun melupakan tragedi besar ini. Pihak kerajaan dilihat secara berterusan menambah usaha dan inisiatif bagi melipatgandakan usaha mencari dan menyelamatkan pesawat ini. Dengan bantuan beberapa negara luar, terutama Australia kita terus mencari pesawat terbabit tanpa putus asa.

Pihak kerajaan juga tidak pernah menyembunyikan sebarang maklumat mahupun perkembangan terkini daripada khalayak, terutama daripada kaum keluarga penumpang. Misalnya baru-baru ini Jabatan Penerbangan Awam (DCA) mengumumkan data asas atau data mentah yang mengandungi maklumat komunikasi antara pesawat MH370 dengan sistem satelit Inmarsat berhubung kehilangan misteri kapal terbang itu pada 8 Mac lalu.

Antara lain data ini mengesahkan isyarat komunikasi atau 'handshake' terakhir yang dilakukan antara satelit Inmarsat dengan pesawat itu direkodkan pukul 8.11 pagi waktu Malaysia pada 8 Mac yang lalu.

Menariknya misteri kehilangan pesawat ini melahirkan terlalu ramai pakar teori dan spekulasi yang tampil mengetengahkan hujah dengan justifikasi masing-masing. Namun, pihak kerajaan berjaya mengurus dan menangani tragedi ini secara profesional dengan bantuan pakar tempatan dan luar negara.

Antara isu antarabangsa yang perlu dihadapi oleh pihak kerajaan ialah memulihkan semula hubungan diplomatik dengan negara China. Ternyata rakyat mereka agak emosi dan marah memandangkan

majoriti penumpang pesawat kaum keluarga mereka.

Ini dibuktikan lagi dengan kerisauan terhadap statistik yang menunjukkan jumlah kedatangan pelancong China selepas insiden 8 Mac ini turun secara mendadak dan sedikit sebanyak menjejaskan kempen Tahun Melawat Malaysia 2014.

Namun, pihak kerajaan berjaya menyusun langkah dan strategi bijak untuk memulihkan semula hubungan kedua-dua negara yang sedia terjalin sejak 40 tahun lalu.

Langkah awal fasa memulihkan hubungan dengan China apabila kita menerima kedatangan pasangan panda gergasi dari China yang berusia tujuh tahun dan dipinjamkan menerusi Program Perjanjian Kerjasama Konservasi Antarabangsa Panda Gergasi yang dianggap cukup signifikan dalam konteks hubungan akrab Malaysia-China.

Ia diikuti dengan lawatan rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak ke China baru-baru ini sempena ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik antara kedua-dua negara.

Ketika lawatan terbabit, Najib sekali lagi menzahirkan komitmen kepada pihak China bahawa Malaysia akan teruskan kerjasama dengan semua pihak untuk mencari pesawat MH370.

Apapun setelah genap tiga bulan misi pencarian pesawat ini mula memasuki fasa baru. Terkini Biro Keselamatan Pengangkutan Australia (ATSB) mengeluarkan tender terbuka bagi mengendalikan pencarian di dasar laut bermula Ogos depan.

Dalam pada itu, ATSB juga dilaporkan sedang menyiasat laporan daripada seorang kelasi kapal Britain yang mendakwa ternampak ekor pesawat MH370 terbakar pada malam kehilangan pesawat terbabit ketika dia dalam pelayaran dari Kochi, India ke Phuket, Thailand.

Saintis juga dilaporkan sedang menyiasat bunyi berfrekuensi rendah dalam laut yang dikesan di selatan India pada masa ketika pesawat MH370 menghantar isyarat satelit terakhir sebelum hilang.

Malah, fasa baru ini juga mula membabitkan enam syarikat gergasi di negara ini yang mempunyai kepakaran antaranya Petronas, Sapura Kenchana, Bousted Holdings Berhad dan DRB Hicome Defence Technologies Sdn Bhd yang bersetuju membantu mencari pesawat berkenaan.

Marilah kita terus berdoa agar misteri kehilangan pesawat malang ini dapat dirungkai dengan segera.

**Penulis Ketua Bahagian
Hal Ehwal Pelajar UPM**